

15 JAN 2002

Tabung Haji-Dividen

DIVIDEN TABUNG HAJI DIJANGKA KURANG BAGI 2001

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) dijangka membayar dividen kurang daripada 5 peratus kepada pen depositnya bagi tahun kewangan 2001, kata pengerusinya Tan Sri Zainal Mahmood hari ini.

Kadar dividen yang dijangka diumumkan pada bulan depan itu adalah lebih rendah daripada dividen sebanyak 5.5 peratus yang dibayar kepada pen deposit bagi tahun kewangan 2000.

"Kita tidak mampu membayar lebih kerana kedudukan ekonomi dan pelaburan sekarang tidak mengizinkan," katanya ketika ditanya pemberita selepas majlis penyampaian bantuan persekolahan kepada anak-anak yatim Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di bangunan ibu pejabat Tabung Haji di sini.

Majlis itu disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Zainol berkata kadar dividen yang lebih rendah itu tidak ada kena mengena dengan kehilangan kira-kira RM8.97 juta daripada akaun pen deposit tahun lepas.

Ketika ditanya langkah-langkah bagi memulih keyakinan pen deposit berikutan prestasi kewangan yang kurang memuaskan oleh Tabung Haji, Zainol berkata, pengurusan baru lembaga itu akan berusaha untuk mengembalikan keuntungan.

"Kita ada pengurusan yang baru, kepimpinan yang baru dan kita ada panel pelaburan yang baru, yang profesional dan tahu bagaimana cara nak mengembalikan serta menaikkan peluang-peluang perniagaan," katanya.

Bagaimanapun pihak pengurusan baru itu perlu diberikan sedikit masa kerana mereka baru sahaja dilantik kira-kira sebulan yang lalu, katanya.

"Kita nak cari peluang-peluang pelaburan yang terbaik dan mengembalikan mana-mana yang rugi, kita nak dapatkan balik keuntungan," kata Zainol.

Tabung Haji mempunyai hampir lima juta pen deposit dengan jumlah aset di antara RM9 dan RM10 bilion.

-- BERNAMA

AFY ER OS MOZ